

Meninjau Perspektif Masyarakat Kajang tentang Pelantikan Pemimpin di Daerah Belaga, Sarawak: Antara Kebangsawan dan Demokrasi

Norsawani Ubau

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak

Koresponden e-mel: norsawaniubau01@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini meneroka pandangan masyarakat Kajang terhadap kaedah pelantikan pemimpin di daerah Belaga, memfokuskan kepada tiga objektif utama: kepentingan kepimpinan aristokrasi dalam budaya politik masyarakat Kajang, budaya politik masyarakat Kajang yang menyokong nilai-nilai demokrasi, dan kesan budaya politik terhadap penyertaan dalam kalangan kumpulan sosial dalam kalangan kumpulan aristokratik Maren, Paren, atau Laja, dan kumpulan bukan aristokratik. Penyelidikan ini mengetengahkan perdebatan dan ketegangan di antara kaedah kepimpinan tradisional melalui institusi Adet Maren, Paren, atau Laja dan kaedah kepimpinan berasaskan prinsip demokrasi. Timbul kebimbangan terhadap pengekal status quo dan institusi tradisional dalam konteks demokrasi moden serta kepentingan budaya politik dalam memelihara adat warisan. Sebahagian masyarakat Kajang melihat demokrasi sebagai lebih adil dan berkesan, manakala sebahagian lagi percaya tentang kepentingan institusi tradisional untuk kesinambungan budaya dan keharmonian sosial. Dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif deskriptif, kajian tertumpu kepada masyarakat Kajang di Belaga termasuk kumpulan Punan, Sekapan, Kejaman, Lahanan, Tanjung, dan Kanowit. Data pula dikumpul melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis kajian lepas. Oleh itu, penyelidikan ini menawarkan pandangan berharga ke arah mengimbangi pemeliharaan warisan budaya dan pembaharuan demokrasi, dengan implikasi untuk pembangunan dasar dan komuniti.

Kata kunci: masyarakat Kajang Belaga, kepimpinan aristokrasi, demokrasi, politik tradisional, poliarki

Hak Cipta: Ini ialah artikel akses terbuka yang diedarkan di bawah syarat CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium, untuk bukan komersial tujuan, dengan syarat karya asal pengarang dipetik dengan betul.

PENGENALAN

Ketika negeri Sarawak terus berkembang dan beradaptasi dengan perubahan semasa, budaya politiknya yang dibentuk oleh sejarah dan kepelbagaian budaya dilihat masih tetap kukuh dalam membentuk landskap politiknya yang tersendiri. Buktinya, pelantikan pemimpin daripada sistem elemen kebangsawanan ini masih lagi mendominasi sistem kepimpinan tempatan terutamanya dalam kalangan masyarakat Kajang di

daerah Belaga. Pemilihan pemimpin berdasarkan keturunan dan status sosial telah mencerminkan model kepemimpinan aristokrasi yang menyatakan bahawa individu paling berbudi dan berintelekt tinggi harus dipilih untuk mentadbir (Saunders, 1981). Meskipun sistem Adet Maren, Paren, atau Laja dalam konteks masyarakat Kajang masih dihormati dan dianggap efektif dalam pengekalan keharmonian masyarakat, ia juga telah mencetuskan perdebatan mengenai inklusiviti dan kesaksamaan dalam demokrasi moden, khususnya mengenai hak untuk memilih pemimpin secara terbuka dan adil (Dahl, 1971). Perdebatan ini menjadi lebih kompleks apabila sistem ini berhadapan dengan cabaran menyesuaikan diri dengan tuntutan demokrasi moden yang menekankan penyertaan masyarakat yang lebih luas dan perlindungan terhadap kebebasan sivil. Hal ini seiring dengan konsep demokrasi poliarki (polyarchy) yang memperlihatkan keperluan untuk menyatukan amalan tradisional dengan prinsip demokrasi kontemporari demi memastikan kepemimpinan yang lebih adil dan mewakili kepelbagaian komuniti (Dahl, 1971).

SIGNIFIKASI KAJIAN

Kajian ini memperkenalkan proses pelantikan pemimpin mengikut budaya tempatan di daerah Belaga. Ia signifikan untuk diketengahkan bagi memberikan perspektif dari sudut pandang komuniti yang sedang membahaskan mengenai nilai-nilai demokrasi dan hubungan dengan penerusan budaya kepemimpinan bangsawan yang sekian lama telah menyatukan etnik Kajang di Belaga. Hasil penyelidikan mendedahkan keprihatinan masyarakat Kajang terhadap nilai-nilai demokrasi seperti diamalkan dalam konteks budaya kepemimpinan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Pengkaji telah memilih daerah Belaga di bawah juridiksi bahagian Kapit. Dengan keluasan 19,403.27 km per segi, daerah Belaga telah diduduki oleh majoriti penduduk daripada masyarakat Orang Ulu, termasuklah *Kayan, Kenyah, Penan, Sihan*, dan masyarakat Kajang sendiri. Fokus populasi adalah Masyarakat Kajang yang meliputi sub-suku *Punan, Sekapan, Kejaman, Lahanan, Tanjung, dan Kanowit*. Sampel terdiri daripada sembilan daripada sebelas perkampungan Kajang di daerah Belaga dengan pemilihan peserta kajian berdasarkan peranan, umur, jantina, dan ciri etnolinguistik. Instrumen kajian termasuklah temu bual, pemerhatian, dan kajian lepas. Pengkaji telah menggunakan teknik pensampelan terarah supaya pengkaji dapat memberi fokus kepada masyarakat Kajang yang berada di daerah Belaga terutama yang memiliki pengalaman dengan isu pelantikan pemimpin di peringkat komuniti masing-masing. Berikut ialah senarai peserta yang telah di temu bual dalam kajian ini daripada kelas sosial *Maren/Paren/Laja* (Jadual 1) dan bukan *Maren/Paren/Laja* (Jadual 2).

Peserta	Ciri Etnolinguistik	Peranan
P. 1 Ajang Sirek	<i>Sekapan</i>	Temenggong @ Ketua Masyarakat Daerah Belaga
P. 2 Lejau Sirek	<i>Sekapan</i>	Ketua Kampung Sekapan Piit
P. 3 Joe Among	<i>Lahanan</i>	Ketua Kampung Lahanan Long Semuang
P. 4 Sylvia Senah Lasah	<i>Kejaman</i>	Ketua Kampung Kejaman Lasah, Long Segaham
P. 5 Michael Nyaleng	<i>Tanjung</i>	Ketua Kampung Tanjung Long Pawah
P. 6 Ladang Keluka	<i>Punan</i>	Ketua Kampung Punan Sama

Jadual 1: Golongan Maren, Paren, atau Laja

Ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)

Peserta	Ciri Etnolingusitik
P.7 Ukat Lusat	<i>Kejaman</i>
P.8 George Lamai	<i>Sekapan</i>

Ketua Komuniti Gereja

Peserta	Ciri Etnolingusitik
P.9 Bapai Gumang	<i>Sekapan</i>

Rakyat Bukan Maren

Peserta	Ciri Etnolingusitik
P.10	<i>Tanjung</i>
P.11	<i>Kejaman</i>
P.12	<i>Punan</i>
P.13	<i>Lahanan</i>
P.14	<i>Sekapan</i>

Jadual 2: Golongan bukan Maren, Paren, atau Laja

DAPATAN KAJIAN

Perspektif Mengenai Kepimpinan Aristokrasi

Semua peserta kajian daripada kumpulan aristokrasi dan bukan aristokrasi menerangkan bahawa sistem pelantikan ini melibatkan proses pelantikan pemimpin secara turun-temurun dalam keturunan keluarga *Maren, Paren, atau Laja* sahaja. Sebagai tradisi yang telah lama berakar umbi, sistem ini dipercayai sebagai simbol identiti yang seharusnya dipertahankan dan dihormati oleh orang luar. Kegagalan berbuat demikian dapat menjejaskan keharmonian di tempat tersebut, jelas seorang peserta kajian. Walaupun tradisi ini amat berbeza dengan lantikan secara politik, suara rakyat masih signifikan dalam menentukan pelantikan tersebut. Dakwaan dua daripada lapan orang peserta kajian dalam golongan bukan *Maren, Paren, atau Laja* yang menjelaskan bahawa sistem ini tidak melibatkan proses pemilihan secara terbuka seperti pilihan raya, telah menunjukkan wujudnya perbezaan perspektif bagi soalan ini. Keputusan temu bual juga masing-masing memperlihatkan kesemua empat belas orang peserta kajian telah bersetuju bahawa bentuk kepimpinan dalam masyarakat Kajang adalah melalui institusi *Adet Maren, Paren, atau Laja*. Sistem ini dikatakan telah muncul sebelum kehadiran pelbagai jenis agama dan ia berasal secara turun-temurun oleh nenek moyang mereka. Selain itu, sepuluh orang peserta kajian daripada kedua-dua kumpulan bersetuju dengan tiga pilihan jawapan yang mencirikan sistem ini, iaitu *peribadi (A)*, *ketokohan (B)*, dan *sumbangan keluarga (C)*. Selebihnya, empat orang peserta kajian yang tergolong di dalam kumpulan bukan *Maren, Paren, atau Laja* hanya bersetuju dengan pilihan jawapan A, sekali gus membuktikan kewujudan perspektif yang berbeza dalam kalangan peserta kajian.

Perspektif Politik Baharu

Kesemua peserta kajian daripada kedua-dua kumpulan mengetahui dengan baik parti politik yang terdapat di daerah Belaga, iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Sarawak Bersatu (PSB), Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Bumiputera Bersatu (PBB), Sarawak United People's Party (SUPP), Sarawak Workers Party

(SWP), Democratic Action Party (DAP) dan juga Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Barisan Nasional (BN).

Perspektif yang berbeza mula wujud apabila majoriti peserta kajian dalam kumpulan bukan *Maren, Paren, atau Laja* tidak pernah menyertai sebarang aktiviti parti politik di daerah Belaga. Kesemua peserta kajian merupakan golongan rakyat biasa yang terdiri daripada suri rumah, pelajar, dan pensyarah. Walau bagaimanapun, lebih empat orang peserta kajian yang lain pernah menyertai aktiviti parti politik, yang mana masing-masing adalah ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan rakyat biasa. Dalam konteks kumpulan *Maren, Paren, atau Laja*, kesemua peserta kajian seramai enam orang bergiat aktif dalam parti politik seperti PBB dan PRS. Mereka berpendapat bahawa penglibatan dalam aktiviti parti politik, seperti mesyuarat dan sebagainya penting untuk membina hubungan komuniti dan menyalurkan maklumat kepada masyarakat.

Pada masa yang sama, semua peserta kajian daripada kumpulan bukan *Maren, Paren, atau Laja* telah bersetuju bahawa masalah yang membolehkan masyarakat berjumpa dengan pemimpin bangsawan termasuklah berkaitan isu tanah, rumah tangga, dan hal ehwal adat seperti denda. Keputusan temu bual yang melibatkan kumpulan *Maren, Paren, atau Laja* pula menunjukkan kesepakatan bahawa cara terbaik untuk meningkatkan keterangkuman penyertaan politik dalam kalangan masyarakat Kajang ialah melalui penglibatan dalam persatuan komuniti seperti Persatuan Komuniti Etnik Kajang Sarawak (PKEKS), Persatuan Bangsa Kejaman Sarawak (PBKS), Persatuan Lahanan Sarawak (PLAS), Persatuan Kebangsaan Punan (PNA), dan Persatuan Bangsa Sekapan Belaga (PBSB). Melalui penglibatan ini, masyarakat Kajang dapat terlibat dalam program seperti Pesta Adet Saviek dan Program Pemimpin Bersama Rakyat, yang dapat menyatukan sub-etnik dalam kalangan kaum Kajang.

Akhir sekali, keselarasan sistem tradisional ini dengan prinsip demokrasi yang melibatkan peserta dalam kumpulan bukan *Maren, Paren, atau Laja* telah memperlihatkan masing-masing tiga daripada lapan orang peserta kajian telah bersetuju dengan pilihan jawapan A iaitu, penghormatan terhadap tradisi dan adat resam masyarakat juga merupakan aspek penting dalam demokrasi, manakala tiga orang peserta lagi bersetuju dengan pilihan jawapan yang menyaksikan pandangan secara neutral oleh peserta tentang keselarasan sistem tradisional ini dengan prinsip demokrasi. Perbezaan perspektif wujud apabila masing-masing seorang peserta bersepakat dengan pilihan jawapan B dan C.

Perspektif Politik Lama dalam Politik Baharu

Persamaan perspektif telah ditunjukkan oleh kedua-dua kumpulan, yang mana mereka dapat menyenaraikan secara jelas dan mengemukakan contoh sesama ketua masyarakat dan ketua kampung masing-masing.

Cara kepimpinan bangsawan menerusi *Adet Maren, Paren, atau Laja* ini dapat beradaptasi kepada perubahan kepimpinan akibat demokrasi telah dipersetujui oleh kesemua peserta dalam kalangan kumpulan *Maren, Paren, atau Laja* melalui penghayatan terhadap prinsip demokrasi sambil mengekalkan nilai kepimpinan tradisional mereka. Selain itu, proses membuat keputusan dalam sistem ini juga perlu diselaraskan dengan amalan demokrasi. Kerjasama dengan institusi demokrasi sambil menjunjung tradisi kepimpinan ini juga merupakan cara yang mendapat persetujuan semua peserta.

Persamaan perspektif dalam kalangan kumpulan *Maren, Paren, atau Laja* juga turut didapati apabila semua peserta bersetuju bahawa peranan mereka dalam memupuk penglibatan politik masyarakat yang bukan golongan bangsawan adalah melalui penyediaan platform untuk bersuara, berkhidmat sebagai orang tengah atau fasilitator, dan mengekalkan pendirian neutral dan sikap tidak berpolitik kepada golongan bukan bangsawan.

Akhir sekali, perbezaan perspektif yang ketara dapat dilihat apabila majoriti sebanyak 5 orang peserta dalam kumpulan bukan bangsawan telah bersetuju bahawa mereka terlibat secara aktif mencalonkan dan menyokong calon untuk jawatan kepimpinan bangsawan. Walau bagaimanapun, penglibatan tersebut tidak secara langsung mempengaruhi keputusan muktamad, jelas empat orang peserta kajian. Sebaliknya, dua orang peserta mendakwa bahawa mereka masih memiliki pengaruh yang sama dengan kumpulan bangsawan untuk mempengaruhi keputusan muktamad tersebut. Dua orang peserta pula mendakwa bahawa mereka hanya dimaklumkan tentang keputusan pelantikan tersebut.

PERBINCANGAN

Kerelevanan Kepimpinan Aristokrasi Berdasarkan Institusi Adet Maren, Paren atau Laja pada Era Demokrasi

Kerelevanan kepimpinan aristokrasi melalui institusi *Adet Maren, Paren*, atau *Laja* pada era demokrasi ini secara majoritinya menunjukkan ia masih relevan berikutan wujudnya peranan pemimpin aristokrat dalam menyelesaikan isu-isu harian dalam kalangan masyarakat seperti hal ehwal rumah tangga, adat resam, tanah, dan sebagainya. Penglibatan golongan bangsawan dalam isu-isu ini menunjukkan peranan mereka sebagai aktor utama institusi yang bertanggungjawab mengurus dan menyelesaikan isu masyarakat yang penting (Hall dan Taylor, 1996). Tradisi budaya masyarakat Kajang telah memberikan legitimasi budaya dan autoriti kepada pemimpin bangsawan, sekali gus menjadikan mereka rujukan utama dalam perkara berkaitan tradisi dan budaya (Thelen, 1999). Oleh itu, tanggungjawab mereka mengenai hal ehwal kemasyarakatan dan tradisi budaya ini menggariskan kepentingan kedudukan mereka dalam masyarakat serta menyerlahkan kepentingannya pada era demokrasi pada masa kini. Teori institusi mencadangkan bahawa peranan sedemikian adalah penting untuk mengekalkan ketenteraman dan kesinambungan sosial dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang stabil.

Selain itu, semua pemimpin *Maren, Paren*, atau *Laja* bersepakat bahawa penglibatan bersama persatuan komuniti dan sub-etnik masing-masing secara tidak langsung akan membawa kepada penglibatan dalam program sosial dan kebudayaan seperti Pemimpin bersama Rakyat dan Pesta Adet Saviek. Tindakan ini dapat membuka ruang kepada golongan bukan bangsawan untuk terlibat dalam perbincangan politik dan proses pembuatan keputusan. Kepimpinan persatuan komuniti yang diketuai oleh golongan bukan aristokrat ini juga menggambarkan satu langkah ke arah mendemokrasikan peranan kepimpinan dengan menyeru perwakilan yang menyeluruh daripada pelbagai kumpulan sosial dan budaya masyarakat. Berdasarkan pemerhatian, pemimpin aristokrat secara aktif mengambil bahagian dan menyokong inisiatif yang diterajui oleh golongan bukan aristokrat melalui persatuan komuniti dan sub-etnik. Buktinya, pemimpin *Maren, Paren*, atau *Laja* turut serta dengan semua persediaan ke arah penganjuran acara sosial dan kebudayaan seperti mesyuarat dan gotong-royong yang diadakan. Tindakan ini telah menunjukkan komitmen dan kesediaan mereka terhadap tadbir urus kolaboratif dan perpaduan masyarakat. Melalui usaha kolaborasi ini juga, tindakan ini secara tidak langsung meningkatkan rasa hormat di antara kelas sosial yang berbeza melalui kepimpinan yang diterajui oleh golongan bukan aristokrat sendiri. Situasi ini secara tidak langsung memperlihatkan kebolehsuaian kepimpinan aristokrasi dalam konteks moden, seiring dengan teori institusi yang menyatakan bahawa institusi boleh beradaptasi dengan persekitaran yang berubah melalui penyesuaian peranan dan aktiviti mereka (North, 1990).

Tiga orang peserta daripada kalangan bukan *Maren, Paren*, atau *Laja* bersetuju bahawa kepimpinan aristokrasi ini selaras dengan prinsip demokrasi. Mereka menekankan bahawa penghormatan terhadap tradisi dan adat resam adalah aspek penting dalam demokrasi. Teori institusi menyokong idea sistem tadbir urus hibrid, yang mana institusi tradisional dan moden boleh wujud bersama dan saling melengkapi. Konsep legitimasi dalam teori ini menunjukkan bahawa penerimaan dan keberkesanan sesebuah institusi adalah penting, dan dapatan kajian mengesahkan bahawa pemimpin aristokrat diakui sebagai penjaga warisan yang dipercayai oleh masyarakat. Persepsi ini signifikan dalam konteks demokrasi, yang mana pemimpin

memperoleh kuasa daripada legitimasi budaya yang diberikan oleh masyarakat. Menurut Fukuyama (2011), demokrasi menekankan kepentingan amalan sosial yang menghormati tradisi budaya. Walaupun wujud kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya sekatan suara dan idea baharu, teori hibrid menawarkan penyelesaian yang sesuai melalui sebuah sistem tadbir urus hibrid yang membolehkan penglibatan institusi-institusi tradisional seperti kepimpinan *Maren, Paren, atau Laja*, sambil memperkenalkan mekanisme demokratik yang memberi ruang kepada idea baharu dan memastikan peluang yang lebih saksama. Perkara ini bukan sahaja membantu mengekalkan kestabilan dan kesinambungan yang penting dalam masyarakat, tetapi juga menggalakkan inovasi dan perubahan yang selaras dengan prinsip demokrasi.

Penglibatan aktif pemimpin bangsawan dalam aktiviti dan parti politik pula menunjukkan integrasi kepimpinan aristokrasi dalam rangka kerja demokrasi. Teori institusi menyatakan bahawa sesebuah institusi mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, dan penyertaan tersebut telah menunjukkan keupayaan mereka untuk berintegrasi dalam struktur demokrasi sambil mengekalkan nilai tradisional mereka. Model tadbir urus hibrid yang menggabungkan unsur tradisional dan kontemporari ini telah memperlihatkan bahawa institusi boleh berkembang, sekali gus memastikan kesinambungan yang berterusan (Mahoney dan Thelen, 2009). Penglibatan tersebut juga memastikan mereka terus dapat mempengaruhi hasil politik, dan tindakan ini selaras dengan konsep kegigihan institusi yang menyatakan bahawa struktur kuasa sedia ada yang baru menyesuaikan diri masih boleh untuk kekal berpengaruh dalam persekitaran baharu.

Kesimpulannya, dapatan kajian telah menyerlahkan keupayaan pemimpin bangsawan untuk menyesuaikan diri dengan realiti politik baharu sambil mengekalkan peranan dan pengaruh tradisional mereka kekal relevan dalam konteks demokrasi moden.

Keserasian Demokrasi Politik Moden di dalam Struktur Kepimpinan Aristokrasi Masyarakat Kajang

Keputusan kajian telah menunjukkan keserasian yang kompleks di antara demokrasi politik moden dengan struktur kepimpinan aristokrasi dalam kalangan masyarakat Kajang. Misalnya, penglibatan aktif orang bangsawan dalam parti politik membuktikan kesediaan mereka untuk terlibat dalam institusi demokrasi moden. Menurut teori institusi, tindakan ini menunjukkan usaha pemimpin tradisional untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran politik baru, sekali gus memastikan pengaruh mereka kekal berterusan dalam kepimpinan (Mahoney dan Thelen, 2010). Sebaliknya, penyertaan golongan bukan bangsawan dalam aktiviti politik masih rendah, dan situasi ini mencerminkan wujudnya halangan dalam keterangkuman dan penyertaan demokratik. Teori institusi menunjukkan bahawa struktur kuasa sedia ada boleh menghalang penyertaan yang meluas. Namun begitu, pemimpin bangsawan masih boleh membantu dengan menggalakkan lebih ramai golongan bukan bangsawan untuk terlibat dalam aktiviti politik bagi memastikan kestabilan sosial yang berterusan (Thelen, 1999).

Semua peserta daripada golongan bangsawan juga menyatakan bahawa kepimpinan aristokrasi ini mampu beradaptasi dengan perubahan demokrasi melalui penghayatan prinsip demokrasi sambil mengekalkan nilai tradisi, iaitu melalui model tadbir urus secara hibrid. Kesepakatan terhadap langkah-langkah ini bermakna pemimpin bangsawan telah bersedia untuk menghargai prinsip demokrasi melalui pembentukan model tadbir urus yang hibrid. Dalam konteks ini, teori institusi menyokong idea bahawa sesebuah institusi boleh mengintegrasikan unsur-unsur daripada sistem yang berbeza untuk mewujudkan struktur pemerintahan yang padu (Pierson, 2000). Dengan mengimbangi amalan demokrasi dengan nilai tradisional, pemimpin bangsawan dapat memastikan kedua-dua sistem ini saling mengukuhkan dan bukannya melemahkan satu sama yang lain.

Ciri-ciri peribadi yang dihargai dalam kepimpinan aristokrasi oleh kedua-dua kumpulan peserta kajian juga selaras dengan teori institusi yang menekankan bahawa ciri-ciri peribadi penting untuk kestabilan dan legitimasi kepimpinan, yang mana ia juga sehaluan dengan prinsip demokrasi moden (Hall dan Taylor,

1996). Kepercayaan adalah asas kepada institusi yang berkesan, dan kepimpinan yang jujur dan telus dapat membina kepercayaan dalam kalangan rakyat (North, 1990).

Pertemuan masyarakat dengan pemimpin bangsawan dalam hal ehwal rumah tangga, adat resam, dan tanah juga mencerminkan kedudukan pemimpin sebagai pengantara, terutamanya dalam memastikan keharmonian sosial dan keadilan yang selaras dengan asas demokrasi. Institusi ini telah menunjukkan fleksibiliti dengan menggabungkan amalan sistem tradisional dan demokrasi moden, iaitu dengan mengekalkan nilai budaya sambil menjunjung prinsip demokrasi (North, 1990).

Peserta kajian daripada golongan *Maren, Paren*, atau *Laja* juga mencadangkan agar keterangkuman penyertaan politik dapat dipertingkatkan melalui penglibatan dalam persatuan komuniti dan aktiviti kebudayaan bagi memastikan suara rakyat dapat didengari dalam proses politik (Dahl, 1989). Pendekatan partisipatif ini mampu mengukuhkan tadbir urus demokrasi dengan memupuk masyarakat yang lebih inklusif. Percaturan terhadap langkah-langkah tersebut merupakan suatu usaha yang boleh diambil kira dalam sesebuah institusi tradisional yang sedang berevolusi dengan persekitaran politik baharu. Walaupun begitu, usaha pengkalan terhadap nilai-nilai tradisi dan budaya dalam kepimpinan aristokrasi melalui institusi *Adet Maren, Paren, atau Laja* ini tetap menjadi suatu tanggungjawab yang harus dipikul supaya identiti masyarakat Kajang terus dipelihara dan dijaga dengan baik. Menurut North (1990), teori institusi mencadangkan bahawa institusi berkembang dengan menggabungkan amalan dan norma baharu sambil mengekalkan nilai teras mereka. Cadangan masyarakat Kajang untuk melibatkan pelbagai kumpulan dalam persatuan masyarakat dan aktiviti kebudayaan menunjukkan proses penyesuaian ini, yang mana sistem tradisional menerima amalan demokrasi secara inklusif.

Penyediaan platform untuk bersuara, bertindak sebagai fasilitator, dan mengekalkan pendirian secara neutral pula merupakan peranan pemimpin bangsawan untuk memupuk penglibatan politik masyarakat. Tindakan ini dapat memperkasakan individu dan mempromosikan keterangkuman dalam tadbir urus, iaitu selaras dengan prinsip demokrasi (Dahl, 1989). Contohnya, sistem *kgotla* di Botswana membolehkan komuniti menyuarakan pendapat mereka dalam membuat keputusan (Molutsi dan Holm, 1990). Selain itu, pendirian neutral pula penting untuk tadbir urus yang adil dan meningkatkan kepercayaan awam (North, 1990).

Kesimpulannya, kepimpinan aristokrasi ini telah menunjukkan potensi untuk institusi tradisional ini wujud bersama dengan sistem demokrasi. Dengan menggabungkan amalan demokrasi dan nilai tradisional, sistem ini kekal relevan dan berkesan dalam konteks demokrasi moden.

Cabaran Melibatkan Golongan bukan Maren, Paren atau Laja terhadap Penyertaan Politik dalam Konteks Demokrasi

Cabaran utama dalam melibatkan golongan bukan *Maren, Paren*, atau *Laja* dalam penyertaan politik dapat dilihat melalui kurangnya penglibatan mereka dalam aktiviti parti politik. Hanya empat daripada lapan orang peserta kajian sahaja pernah menyertai aktiviti politik, sekali gus mencerminkan kurangnya kesedaran politik berasaskan demokrasi dan pendidikan politik. Tanpa pemahaman yang jelas tentang proses politik dan kepentingan penyertaan mereka, rakyat berasa tidak berminat atau tidak layak untuk terlibat dalam aktiviti politik. Menurut Milner (2002), kebanyakan negara demokrasi yang sedang membangun memperlihatkan terhadnya pendidikan sivik dalam kalangan rakyat, yang mana perkara ini secara tidak langsung menyebabkan golongan ini tidak menyedari hak mereka dan mekanisme yang tersedia untuk penyertaan politik. Misalnya, di kawasan luar bandar negara seperti India, walaupun struktur demokrasi diaplikasikan, tetapi ramai rakyat kekal pasif secara politik kerana pendidikan politik yang tidak mencukupi. Oleh hal yang demikian, North (1990) di dalam teori institusi beliau menyatakan bahawa sesuatu sistem politik perlu memiliki institusi yang mantap supaya dapat menyediakan struktur dan norma yang memudahkan berlakunya penglibatan politik.

Halangan sosioekonomi seperti kekurangan masa dan akses kepada sumber, juga menjadi faktor penghalang bagi penyertaan politik. Apabila kelangsungan hidup harian menjadi keutamaan, melibatkan diri dalam sebarang aktiviti politik akan diketepikan terlebih dahulu. Perkara ini boleh dibuktikan melalui pekerjaan peserta kajian yang terdiri daripada suri rumah, pelajar, dan pensyarah. Sebagai contoh, di kebanyakan negara, suri rumah melaporkan rasa terputus hubungan daripada proses politik kerana tumpuan mereka terhadap tugas rumah tangga. Kajian lain juga menunjukkan bahawa wanita yang kebanyakannya menjadi suri rumah mempunyai kadar penyertaan politik yang lebih rendah berbanding rakan sejawat mereka yang bekerja (Burns et al., 2009). Rentetan daripada situasi ini, teori institusi menggariskan langkah yang boleh diambil supaya penyertaan politik rakyat biasa boleh dipertingkatkan dengan ketara, iaitu melalui perubahan norma dan struktur institusi. Menurut North (1990), sesebuah institusi harus berkembang untuk menyediakan struktur yang menampung keperluan unik suri rumah, pensyarah dan pelajar tersebut. Sebagai contoh, masa mesyuarat yang lebih fleksibel dan kewujudan rangkaian komuniti yang boleh membantu mengatasi halangan yang ditimbulkan oleh status pekerjaan mereka. Misalnya, penubuhan kumpulan perbincangan politik tempatan atau forum dalam talian yang sesuai dengan jadual dan minat mereka (Thelen, 1999). Pendek kata, teori institusi ini menggariskan kepentingan perubahan norma dan amalan dalam institusi untuk menyokong budaya demokratik dalam penyertaan yang lebih luas dan inklusif.

Cabaran lain muncul apabila golongan ini tidak mempengaruhi keputusan muktamad dalam pemilihan pemimpin bangsawan di peringkat kampung, walaupun mereka terlibat dalam pencalonan dan sokongan calon. Keadaan ini menunjukkan kekurangan kuasa yang efektif dalam proses pemilihan sebenar, seperti yang dinyatakan oleh Verba et al. (1995), bahawa penyertaan politik harus membawa kepada keputusan yang bermakna. Kekurangan pengaruh ini menjejaskan cita-cita demokrasi untuk penyertaan yang setara. Situasi ini cenderung dilihat dalam sistem yang mana majlis penasihat atau mekanisme maklum balas komuniti itu wujud, tetapi kuasa dalam pembuatan keputusan sebenar dilakukan oleh elit kecil sendiri. Perkara ini sering berlaku dalam struktur tadbir urus tempatan yang mana pemimpin tradisional memegang kuasa dengan ketara. Dahl (1971) juga turut berpendapat bahawa untuk merealisasikan demokrasi yang bermakna, rakyat bukan sahaja perlu mengambil bahagian, tetapi juga perlu mempunyai keupayaan mereka yang benar-benar dipertimbangkan dalam proses membuat keputusan. Apabila penyertaan dihadkan kepada peranan penasihat sahaja, ia tidak sepenuhnya memenuhi prinsip demokrasi dalam perkongsian kuasa.

Isu ketelusan dan komunikasi yang terhad timbul apabila dua daripada lapan orang peserta kajian melaporkan bahawa mereka hanya dimaklumkan tentang keputusan pelantikan pemimpin tanpa penglibatan yang mencukupi. Misalnya, dalam kebanyakan komuniti, keputusan yang dibuat oleh golongan elit dimaklumkan kepada orang ramai tanpa penjelasan atau penglibatan yang mencukupi, sekali gus membawa kepada kekurangan ketelusan dan kepercayaan dalam proses tersebut. Dalam kes ini, ketelusan dan akauntabiliti adalah komponen teras dalam tadbir urus demokrasi (Diamond, 1999). Tanpa komponen-komponen ini, orang ramai tidak akan mempercayai proses membuat keputusan tersebut. Menurut teori institusi, langkah pembaharuan institusi perlu dilakukan. Misalnya, pelaksanaan pembaharuan yang mewajibkan mekanisme maklum balas yang sangat berpengaruh boleh meningkatkan kesan penyertaan awam. Langkah ini sejajar dengan matlamat teori institusi ke arah penyesuaian norma dan amalan untuk memenuhi cita-cita demokrasi (Hall dan Taylor, 1996).

Selain itu, kesemua empat belas orang peserta kajian daripada kedua-dua kumpulan bersetuju bahawa kepimpinan ini sememangnya sistem yang telah lama wujud sebelum adanya parti politik atau wakil rakyat. Sistem pemilihan pemimpin secara turun-temurun ini telah mengehadkan aspirasi dan sumbangan politik rakyat biasa (Lijphart, 1999). Dalam erti kata lain, perkara ini telah menimbulkan cabaran dari segi akses yang terhad terhadap peranan kepimpinan. Demokrasi seharusnya menjunjung prinsip peluang sama rata, tetapi sistem ini telah melemahkan prinsip tersebut (Dahl, 1989).

Seterusnya, kumpulan bukan bangsawan juga merasakan pengaruh politik yang berkurangan kerana keputusan penting cenderung dibuat oleh sekumpulan pemimpin bangsawan yang terpilih. Menurut Highley

dan Burton (2006), dalam kebanyakan masyarakat tradisional, keputusan dibuat oleh pemimpin secara turun-temurun tanpa input yang besar daripada masyarakat umum, yang mana situasi ini membawa kepada kekurangan penglibatan sivik yang lebih luas. Jika dilihat dalam lensa demokrasi, demokrasi yang berkesan sebenarnya memerlukan penyertaan dan pengaruh rakyat yang luas dalam proses membuat keputusan. Apabila sesebuah kepimpinan dan proses membuat keputusan tertumpu kepada cara lantikan daripada keturunan, prinsip demokrasi yang menjunjung penyertaan politik yang meluas akan terjejas (Verba et al., 1995).

Cabaran yang kritikal dan diberi perhatian dalam isu ini adalah berkaitan dengan dilema dalam pemeliharaan budaya dengan kemasukan unsur demokratik. Dalam konteks ini, masyarakat Kajang amat menghargai kepimpinan tradisionalnya melalui institusi *Adet Maren, Paren, atau Laja* sebagai sebahagian daripada identiti budayanya. Peralihan kepada sistem demokrasi sepenuhnya boleh menyebabkan kehilangan warisan ini. Situasi ini persis dengan komuniti puak orang asli di Amerika Syarikat, yang mana bentuk tadbir urus tradisional mereka wujud dan beroperasi bersama dengan sistem demokrasi di negara moden (Wilkins dan Stark, 2017). Oleh itu, Huntington (1996) telah menekankan bahawa nilai budaya dan tradisi adalah signifikan dalam membentuk sistem politik. Pemaksaan peralihan kepada sistem yang berbeza boleh mewujudkan rintangan dan kehilangan identiti yang serius. Bertitik tolak daripada itu, teori institusi telah menggariskan bahawa salah satu alternatif yang strategik adalah melalui penubuhan sebuah sistem tadbir urus yang hibrid. Sesebuah institusi boleh membangunkan sistem hibrid yang menggabungkan kepimpinan turun temurun dengan prinsip demokrasi. Sebagai contoh, majlis tempatan boleh merangkumi kedua-dua pemimpin keturunan dan wakil rakyat yang memastikan bahawa suara rakyat biasa didengar dan dipertimbangkan dalam proses membuat keputusan (Thelen, 1999). Pada masa yang sama, pemimpin tradisional juga boleh diberi peranan sebagai penasihat formal dalam institusi demokrasi, yang sekali gus memastikan kepentingan budaya mereka dikekalkan sambil menggalakkan keterangkuman. Justeru itu, cabaran untuk mengimbangi identiti budaya dengan penyertaan demokratik dalam masyarakat Kajang menggariskan keperluan untuk rangka kerja institusi yang adaptif dan inklusif. Dengan mengembangkan institusi untuk menggabungkan kedua-dua elemen tradisional dan demokratik, langkah ini dapat mengekalkan warisan budaya sambil menggalakkan penyertaan politik yang lebih luas. Dalam erti kata lain, teori institusi ini telah menjadi medium yang berguna untuk mereka bentuk sistem yang menghormati dan menyepadukan tradisi tadbir urus yang pelbagai sekali gus memastikan bahawa prinsip demokrasi tidak menjejaskan identiti budaya sebaliknya wujud bersama secara harmoni.

Justeru itu, cabaran-cabaran tersebut telah memberikan halangan yang serius terhadap penyertaan politik, khususnya dalam kalangan golongan bukan *Maren, Paren, atau Laja*. Walau bagaimanapun, teori institusi menawarkan alternatif untuk menangani cabaran ini dengan membentuk suatu institusi yang mampu menggabungkan elemen tradisional dan demokratik. Dengan mempertingkatkan kesedaran politik berasaskan demokrasi dan pendidikan politik, meningkatkan ketelusan, dan mewujudkan model tadbir urus hibrid, masyarakat Kajang boleh mengekalkan identiti budayanya sambil menggalakkan penyertaan politik inklusif. Pendekatan ini selaras dengan prinsip teori institusi yang menekankan evolusi dan kebolehsesuaian institusi sekali gus memupuk masyarakat yang lebih demokratik dan partisipatif.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan variasi pandangan masyarakat Kajang terhadap kepimpinan tradisional melalui institusi *Adet Maren, Paren, atau Laja* dalam konteks demokrasi. Walaupun begitu, pemerhatian jangka panjang mendapati struktur kepimpinan tradisional ini semakin terbuka dan menyerap nilai-nilai demokrasi. Berdasarkan teori institusi, model tadbir urus secara hibrid ini dapat memastikan kepimpinan tradisional kekal relevan dan berkesan dalam konteks moden, sambil mengekalkan budaya politik untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- Burns, N., Schlozman, K. L., dan Verba, S. (2009). The private roots of public action: Gender, equality, and political participation. In *The Private Roots of Public Action*. Harvard University Press.
- Dahl, R. A. (1971). *Polyarchy: Participation and Opposition*. New Haven: Yale University Press.
- Dahl, R. A. (1989). *Democracy and Its Critics*. Yale University Press.
- Diamond, L. (1999). Developing democracy: toward consolidation. *Johns Hopkins University*.
- Fukuyama, F. (2011). Poverty, Inequality, and Democracy: Dealing with Inequality. *Journal of Democracy*, 22(3), 79-89.
- Hall, P. A., dan Taylor, R. C. (1996). Political science and the three new institutionalisms. *Political studies*, 44(5), 936-957.
- Higley, J., dan Burton, M. G. (2006). *Elite foundations of liberal democracy*. Rowman dan Littlefield.
- Huntington, S. P. (1996). *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. Simon dan Schuster <https://msuweb.montclair.edu/~lebelp/1993SamuelPHuntingtonTheClashOfCivilizationsAndTheRemakingofWorldOrder.pdf>
- Lijphart, A. (1999). *Patterns of democracy: Government forms and performance in thirty-six countries*. Yale University Press.
- Mahoney, J., dan Thelen, K. (Eds.). (2009). *Explaining institutional change: Ambiguity, agency, and power*. Cambridge University Press.
- Milner, H. (2002). *Civic literacy: How informed citizens make democracy work*. UPNE.
- Molutsi, P. P., dan Holm, J. D. (1990). Developing democracy when civil society is weak: the case of Botswana. *African Affairs*, 89(356), 323-340.
- North, D. C. (1990). *Institutions, Institutional Change, and Economic Performance*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511808678>
- Pierson, P. (2000). Increasing returns, path dependence, and the study of politics. *American political science review*, 94(2), 251-267.
- Saunders, T. (1981). *The Politics*. United Kingdom: Penguin Books Limited.
- Thelen, K. (1999). Historical institutionalism in comparative politics. *Annual review of political science*, 2(1), 369-404.
- Verba, S., Schlozman, K. L., dan Brady, H. E. (1995). *Voice and equality: Civic voluntarism in American politics*. Harvard University Press.
- Wilkins, D. E., dan Stark, H. K. (2017). *American Indian politics and the American political system*. Rowman dan Littlefield